

CNS0476

U GB 17-07 00211 BC603

aab

Perhatian Editor

Pembetulan paraempat; Indonesia mempunyai lebih 100 juta penduduk rpt 100 juta dan bukan 100,000 juta.

Berikut ialah ulangan dengan pembetulan:

MALAYSIA PERLU JADI KUASA BESAR UNTUK PERTAHANKAN ISLAM: MAHATHIR

Mahathir - Islam

KUALA BESUT, 17 Julai (Bernama) -- Yerdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia perlu menjadi kuasa besar untuk mempertahankan agama dan umat Islam di seluruh dunia.

'Sekiranya negara ini mencapai taraf itu, pendapat dan desakan yang disuarakannya di mana-mana jua akan sentiasa dihormati dan umat Islam tidak mudah ditindas, katanya ketika berucap kepada rakyat selepas solat fardu Jumaat di Kampung Teluk Budu, di sini.

Hari ini, Malaysia tidak dapat membantu saudara Islam yang tertindas di beberapa negara lain kerana kedudukannya sebagai negara membangun yang masih lemah, katanya.

Dr Mahathir berkata bukan mustahil bagi Malaysia menjadi kuasa besar kerana sejarah menunjukkan bahawa Belanda yang mempunyai 10 juta penduduk dapat menguasai Indonesia yang mempunyai lebih 100 juta penduduk.

+Bukan niat kita hendak menguasai mana-mana negara, tetapi saya berpendapat adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memperkukuh dan memperkayakan diri kita serta menguasai segala ilmu supaya kita dapat memberi bantuan kepada umat Islam di negara lain dan mempertahankan Islam,+ katanya. -- Lagi

▼17/07/21-25MSJ